

Tiada kenaikan kadar cukai taksiran bagi 2017

KUALA SELANGOR – Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) tidak akan menaikkan kadar cukai taksiran bagi tahun 2017 sempena pembentangan Draf Bajet 2017 bersama pemimpin setempat.

Yang Dipertua MDKS, Noraini Roslan berkata, penetapan itu dibuat bagi memastikan usaha berterusan dapat dilaksanakan dalam mencapai jumlah kutipan hasil yang disasarkan setiap tahun.

“MDKS menetapkan untuk tidak membuat sebarang perubahan pada

kadar cukai taksiran tahun depan manakala fi dan caj dikenakan mengikut kadar sama seperti tahun ini.

“Keputusan penetapan ini penting bagi memastikan segala perancangan dan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada warga Kuala Selangor,” katanya.

Noraini berkata, Draf Bajet Tahun 2017 bertema ‘Perbandaran Lestari Masyarakat Sejahtera’ yang memfokuskan kepada empat aspek iaitu pembangunan, penyelenggaraan infrastruktur, perkhidmatan pem-

bersihan awam dan memperkasakan organisasi.

“Draf bajet pada kali ini adalah seiring dengan keperluan penduduk dan ia selaras dengan perancangan MDKS bagi menepati status ke arah perbandaran,” katanya.

Majlis Dialog Bajet MDKS 2017 juga diadakan bertujuan untuk membentangkan dan membincangkan secara dua hala perancangan bajet MDKS bersama wakil Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan Majlis Permuafakatan Penduduk (MPP).



Sebahagian pemimpin setempat bersama membincangkan hala tuju perancangan bajet MDKS sempena Majlis Dialog Bajet MDKS 2017.